

27/08/1999

Peluang orang ramai menangi Satria GTi

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis 'Malaysia Seabad Ke Alaf Baru' yang akan diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil, Isnin ini dibuka kepada orang ramai secara percuma.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan majlis itu pada jam 8.30 malam. Beliau juga akan mengadakan persidangan video secara langsung dengan Menteri-Menteri Besar.

Di majlis yang gilang-gemilang itu, hadirin turut dihiburkan oleh M Daud Kilau, Noraniza Idris, Siti Nurhaliza, Elite, Juliana Banos, KRU dan ramai lagi.

Majlis itu dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, RTM, Proton, DRB Hicom Group dan Telekom Malaysia.

Untuk keterangan lanjut orang ramai boleh menghubungi talian 03-2963169/2963253.

Paling menarik penonton berpeluang memiliki Proton Satria GTi, motosikal Jaguh dan Kriss serta pelbagai hadiah lain yang menarik menerusi cabutan tiket bertuah.

Program Perayaan Seabad Malaysia Ke Alaf Baru adalah imbasan kembali pencapaian bangsa dan negara sepanjang tempoh 100 tahun lalu.

Ia juga adalah sebagai tanda persediaan negara untuk melangkah ke alaf baru. Program dan kegiatan yang akan dilaksanakan berlandaskan kepada nilai-nilai agama dan budaya bangsa Malaysia sendiri.

Perayaan itu akan berterusan selama dua tahun bermula 1 September 1999 hingga 31 Ogos 2001.

Melalui semangat Malaysia Boleh serta imbasan kembali pencapaian bangsa dan negara sepanjang tempoh seabad yang lalu, diharapkan matlamat utama program itu akan dicapai. Antaranya ialah:

- * Meningkatkan kesedaran dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat berbilang kaum serta budaya;

- * Meningkatkan kesedaran dan perhatian masyarakat dunia terhadap pencapaian bangsa Malaysia;

- * Menerapkan nilai dan budaya melancong di kalangan rakyat Malaysia serta hikmah bercuti di dalam negeri dengan mengekalkan keindahan negara; dan

- * Mendorong minat masyarakat dunia bagi melancong ke Malaysia sekaligus meningkatkan industri pelancongan negara.

Ia juga mepakej serta mempromosikan semua acara utama yang sedia ada, iaitu:

- * Perayaan Hari Kebangsaan;
- * Bulan Bahasa dan Sastera Negara;
- * Pesta Malaysia;
- * Perarakan Citrawarna Malaysia;
- * Karnival Beli Belah;
- * Kejohanan Formula Satu;
- * Kejohanan Golf Piala Dunia;
- * LIMA;
- * Le Tour De Langkawi; dan
- * MAHA

Di samping itu, beberapa acara utama yang akan dianjurkan, iaitu:

- * Perhimpunan Agung Pelancongan Kebangsaan;
- * Expo Malaysia;
- * Festival Warisan dan Budaya Malaysia;

- * Pembinaan Tugu Peringatan 100 Tahun Malaysia; dan
- * Pesta Air Nasional.

(END)